



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' HENRY SUM AGONG  
TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

DI  
**KEMPEN KESEDARAN PETROLEUM KPDNKK BERSAMA  
KOMUNITI LAWAS 2017**  
PADA

**19 OGOS 2017 (SABTU)**

TEMPAT  
**LAWAS**

**Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,**

**Terima Kasih Saudara/Saudari Pengerusi  
Majlis,**

**(SALUTATION)**

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

- 1.** Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Pengurusan Tertinggi KPDNKK dan Jawatankuasa Kerja Kempen Keselamatan Petroleum Bersama Komuniti Lawas 2017 yang telah bekerja keras menganjurkan majlis yang penting ini. Saya juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada para tetamu jemputan dan Komuniti Lawas yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama di dalam majlis ini.
- 2.** Saya amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak ***Petronas Dagangan Berhad*** yang telah memberikan sokongan padu dan telah bekerja keras di dalam menjayakan majlis pada hari ini.
- 3.** Industri petroleum dan gas merupakan antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK) termasuk membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia seterusnya membantu meningkatkan ekonomi setempat di sesuatu kawasan.

4. Pertumbuhan penduduk dan kepesatan ekonomi membawa memberi indikator bertambah banyak kenderaan akan berada di jalan raya mengatasi jumlah kenderaan masa kini di Malaysia iaitu sebanyak 19 juta.
5. KPDNKK sentiasa mengambil berat akan aspek keselamatan pengguna-pengguna ketika mengendalikan produk petroleum. Hal ini disebabkan oleh risiko tinggi yang terpaksa dihadapi oleh semua pihak terutamanya yang melibatkan kebakaran.
6. Mungkin ramai yang tidak menyedari, namun aspek keselamatan ketika mengendalikan produk petroleum adalah satu aspek yang sangat penting dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak termasuklah pengusaha stesen minyak dan juga pengguna baik ketika di stesen minyak mahupun ketika di rumah semasa mengendalikan gas petroleum cecair untuk kegunaan memasak.

## **Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

- 7.** Besar harapan saya agar taklimat yang disampaikan oleh pihak Bomba dan Penyelamat, Polis Diraja Malaysia, dan Petronas sebentar tadi di samping pameran-pameran yang diadakan pada hari ini dapat dihayati dan dipraktikkan sepenuhnya oleh bagi memastikan keselamatan kita bersama ketika mengendalikan produk-produk petroleum ini tidak kiralah ketika berada di mana-mana sahaja.
- 8.** Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama memupuk semangat mengutamakan keselamatan demi kesejahteraan semua.
- 9.** Semoga objektif penganjuran kempen ini untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan pengguna terhadap peraturan serta larangan yang perlu dipatuhi semasa di stesen minyak dan secara tidak langsung mengeratkan perhubungan KPDNKK dengan masyarakat di daerah Lawas ini tercapai.
- 10.** Akhir kata, saya dengan ini merasmikan Kempen Kesedaran Petroleum KPDNKK Bersama Komuniti Lawas 2017.

***Sekian, terima kasih.***